

26/KLIA/2025



AGensi KAwalan dan PERlindungan SEMPAdan MALAYSIA (AKPS)

99 Warga Asing Ditolak Masuk di KLIA 1 Selepas Operasi Intensif AKPS

SEPANG, 26 Julai 2025 – Seramai 99 warga asing telah ditolak kemasukan ke Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 selepas gagal melepasi saringan keselamatan dalam satu operasi khas oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) KLIA, di sini, semalam.

Operasi yang menyasarkan penerbangan berisiko tinggi itu menyaksikan lebih 400 individu diperiksa secara rapi. Mereka yang ditolak kemasukan terdiri daripada 80 lelaki warga Bangladesh, 10 dari India, dan 9 dari Pakistan. Penolakan dibuat kerana mereka gagal memenuhi syarat imigresen, termasuk mempunyai tujuan lawatan dan rekod perjalanan yang meragukan.

Kesemua 99 individu tersebut telah diuruskan untuk proses dokumentasi lanjut dan dihantar pulang semula ke negara asal mengikut prosedur undang-undang sedia ada.

Operasi intensif itu berlangsung dari jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang, diketuai oleh Unit Pemantau KLIA Terminal 1 dengan sokongan Unit Integriti. Ia melibatkan semakan latar belakang, dokumentasi perjalanan, dan temu bual secara individu.

AKPS menegaskan bahawa langkah penguatkuasaan seperti ini akan terus dipertingkatkan secara berkala sebagai strategi proaktif bagi menangani ancaman seperti sindiket penyeludupan manusia (counter-setting) dan penyalahgunaan pas lawatan sosial.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/1l8P1gKo7bnEGdcPYiN9DQupY03iuuMzs?usp=drive_link

TAMAT

26 JULAI 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**AGensi KAwalan dan PERlindungan SEMPAdan MALAYSIA (AKPS)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**